
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKB 112 – KARYA-KARYA BESAR DARI KESUSAstERAAN
ASIA**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab **SOALAN SATU** yang diwajibkan dan DUA soalan dari bahagian A, dan DUA soalan dari bahagian B.

Bahagian A

1. Berikutan rasa tertariknya terhadap pelbagai ciri yang terkandung di dalam karya-karya kesusasteraan Asia, David Damrosch (1994: xxvii) telah mengajak khlayak Eropah untuk mendalami karya-karya Asia dengan menyarankan:

“... a dynamic reading, one which can see points of similarity and dissimilarity not statically but as moments on a larger trajectory.”

Huraikan saranannya itu dengan contoh-contoh karya yang bersesuaian untuk memperlihatkan ciri-ciri keunikan karya-karya Asia.

2. Dalam budaya dan kepercayaan Hindu, alam merupakan pernyataan kepada kewujudan dan kebesaran Tuhan. Dengan menganalisis teks **Syakuntala** karya Kalidasa, perlihatkan unsur-unsur alam yang menjadi simbol kepada kewujudan dan kebesaran Tuhan itu.
3. Menurut Ainon Abu Bakar (1993: xix):

“Desa Salji mungkin merupakan karya agung Kawabata. Dalam perhubungan cinta Shimamura, Kawabata telah menemui suatu simbol penafian cinta yang sempurna... Dan keseluruhannya, kejayaan novel ini sendiri merupakan semacam pengakuan tentang kemanusiaan yang dinafikan.”

Dengan bukti-bukti yang kukuh, bincangkan pernyataan di atas dengan mengaitkannya dengan falsafah ‘the floating world’.

4. Dalam “The Enchanting Cooking Spoon” karya Boonlue, watak utamanya hidup dalam kekeliruan kerana terperangkap oleh pandangan suaminya tentang definisi wanita moden dan pandangan umum masyarakat Thai tentang definisi wanita tradisional. Dengan contoh-contoh peristiwa yang relevan, bincangkan hal tersebut.

Bahagian B

5. **Layla dan Majnun** karya Nizami Ganjavi ditafsirkan sebagai suatu kisah yang berlapis-lapis maknanya. Berikan tafsiran tentang kisah cintanya yang biasa dan jelaskan dimensi mistis atau keagamaannya.

- 3 -

6. Merujuk kepada persoalan-persoalan dan simbol yang terdapat di dalam karya ***The Story of the Stone*** oleh Cao Xueqin, bincangkan kaitannya dengan mitos China tentang masa lalu dan masa kini.
7. ***Bumi Manusia*** karya Pramoedya Ananta Toer menggambarkan masyarakat di Jawa pada zaman penjajahan Belanda dan memaparkan pertentangan antara nilai dan tradisi lama dengan nilai dan pengaruh moden, sekali gus bernuansakan kejahatan. Dalam konteks transisi besar itu, Minke, watak lelaki utama telah mengalami pelbagai pergolakan, baik daripada nilai-nilai yang baru mahupun dari yang lama.

Berikan beberapa contoh pergolakan tersebut. Apakah boleh dikatakan bahawa pada akhirnya Minke memilih satu strategi tertentu untuk mengatasi pergolakan tersebut?

8. Bincangkan secara perbandingan mengapakah teks-teks yang digunakan di dalam kursus ini dianggap sebagai karya besar di dalam kesusasteraan Asia. Dalam perbincangan itu, merujuklah sekurang-kurangnya pada dua karya tersebut.

- ooo0ooo -